



DATO' SRI
ROHANI BINTI
ABDUL KARIM

*"Semoga UiTM terus gemilang dalam melahirkan insan
yang cemerlang yang akan mengangkat martabat
bangsa, agama, negeri dan negara tercinta"*

YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim merupakan anak jati Sri Aman, Sarawak yang dilahirkan pada 3 Januari 1955. Beliau merupakan Graduan Executive Masters of Business Administration pada tahun 1998 di UiTM dan Ohio University, USA dengan penganugerahan Beta Gamma Sigma.

Beliau mendapat pendidikan awal di SK Abang Ali dan Methodist Secondary School di Sibu sebelum meneruskan pengajian Bachelor of Science Perniagaan Tani di Universiti Pertanian Malaysia (UPM).





YBhg. Dato Sri mempunyai keperbadian yang menarik dan mudah didekati masyarakat. Sifat kepimpinan dan kesungguhan untuk berkhidmat kepada masyarakat sudah menjadi jati diri sejak sebelum berkecimpung dalam bidang politik. Sebelum menceburi bidang politik, beliau telah mengasaskan dan dilantik sebagai Pengarah pertama Biro Wanita Sarawak pada tahun 1988. Bermula sebagai wanita Sarawak pertama mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat menerusi pilihanraya pada tahun 1990, beliau seterusnya sekali lagi sebagai wanita Sarawak pertama dilantik dalam kabinet Kerajaan Persekutuan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian

Pembangunan Luar Bandar Malaysia dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Seterusnya, beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia dari tahun 1999 hingga 2013. Beliau merupakan wanita Sarawak pertama yang mengetuai portfolio penuh Kementerian di peringkat Persekutuan, sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat pada tahun 2013. YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim jugak merupakan antara ahli parlimen wanita yang paling lama berkhidmat iaitu selama 32 tahun dari 1990-2022.



Beliau mengharumkan nama negara apabila menjadi warga Malaysia pertama dipilih sebagai Presiden "The Management of Social Transformation Programme (MOST)", salah satu badan dibawah UNESCO, beribu pejabat di Paris, Perancis selama 2 penggal bermula 2015 dan turut menerima Anugerah "Government Leadership Award" di Global Summit for Women 2015 di Sao Paulo, Brazil.

YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim kini merupakan Timbalan Ketua Wanita II Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak dari tahun 2018 serta berperanan sebagai Penasihat di Pejabat Premier Sarawak dan Pengerusi Sri Aman Development Agency (SADA). Beliau turut bergerak aktif di dalam agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang merupakan Penasihat kepada Persatuan Promosi SDG serta memegang tanggungjawab Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Pengerusi Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).